



Ruj. Kami : USM.JB.HB.G.4/2017

Tarikh : 14 Julai 2017

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
T: 04-653 3131 / 04-653 4288
F: 04-658 8205
E: bursar@usm.my
L: www.usm.my

Kepada :

Semua Warga Staf
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 4/2017
PERLUASAN KAEDAH KUTIPAN SUMBANGAN**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam Mesyuarat ke-104 (Bil. 18/2017) pada 5 Julai 2017 telah meluluskan kutipan sumbangan melalui potongan Tuntutan Perjalanan Staf **berkuatkuasa mulai 15 Julai 2017**.
3. Melalui kaedah ini, staf diberi pilihan untuk membuat sumbangan sama ada keseluruhan tuntutan perjalanan yang layak diterima atau sebahagian tuntutan perjalanan yang layak diterima (bagi setiap tuntutan) ke dalam Tabung Wakaf USM atau Tabung Endowmen USM (eKasih) dengan melengkapkan Bahagian B pada Borang Permohonan Tuntutan Perjalanan seperti di Lampiran 1. Maklumat ringkas mengenai tabung boleh dicapai melalui pautan di eClaim (Informasi Laman).
4. Selain itu, sumbangan juga boleh dilakukan melalui kemudahan ePayment (<https://epayment.usm.my>) dan potongan gaji bulanan dengan melengkapkan Borang Kebenaran Potongan Gaji Sumbangan Tabung/ Wakaf seperti di Lampiran 2.
5. Di atas sumbangan yang diberikan, didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'

(DR. ROHAYATI MOHD ISA)
Bendahari

